

Catatan Perjalanan

“VISITING LIBRARIAN”

di Universiti Deakin Melbourne



NOR AZZAH MOMIN

0.4
R



FOC
6/12/2023

Catatan Perjalanan
**“VISITING
LIBRARIAN”**
di Universiti Deakin Melbourne

Hadirah Kekhus-
niah Perdana Leadership Foundation
Library.

[Signature]
06/12/2023.




Catatan Perjalanan
**“VISITING
LIBRARIAN”**
di Universiti Deakin Melbourne

Nor Azzah Momin

PENERBIT USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Negeri Sembilan
Malaysia

2023

PUSTAKA PERDANA



1013407



Cetakan Pertama 2023

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Karya Penerbitan: Umum

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 6271/6272 | Faks: 06-798 6083

www.penerbit.usim.edu.my | penerbit@usim.edu.my

Penerbit USIM ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

Dicetak di Malaysia oleh:

FIRDAUS PRESS SDN BHD

No. 28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300, Seri Kembangan, Selangor

Tel : 03-8940 5595 | Faks : 03-8940 5595

onlineprint@gmail.com

Muka Taip Teks: Times New Roman

Saiz Taip Teks: 11pt

Editor Pengurusan: Hariza Mohd Yusof

Pereka: Amirul Ghazali

Pengatur Huruf: Mastura Abd Wahab








Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7534-39-8

-  Penerbit USIM
-  [penerbit_usim_official](https://www.instagram.com/penerbit_usim_official)
-  Penerbit USIM
-  @PenerbitUSIM
-  @PenerbitUSIM

Dapatkan buku Penerbit USIM secara dalam talian di:

**my
bookstore**
<http://mybookstore.usim.edu.my>

910.4
NoP

KANDUNGAN

Pangkin Pengenalan, Serambi Salam	vii
Ilham Kembara	xi
Senarai Singkatan	xv
Awal Bismillah	17
Pengenalan Ringkas Universiti Deakin	19
Kalut	19
Debaran Semakin Terasa	22
Sangkutan? Apa yang Tersangkut?	23
Perjalanan Bermula	25
Masuk ke Pesawat	26
Melayan Sunyi dalam Kembara	27
Solat di dalam Pesawat	28
Mendarat di Bumi Melbourne	29
Belmercer Motel	32
Menyusuri Geelong	36
Bermulanya Perkenalan	41
Mencari Pengangkutan Awam	42
Josipa	43
Kunjungan Pertama ke Deakin Waterfront	50
Sambutan “Melbourne Cup Day”	55
MyKI Card	57
Geelong Railway Station	60

Higher Degree Research (HDR) Training	62
Ziarah ke Rumah Marziah	66
Deakin Waterfront	69
Student Rovers Services AUD20	76
Clunes Booktown	83
Pagi di Waterfront	92
Minggu Kedua di Deakin	96
Pengalaman “Video Conferencing”	100
Hari Terakhir di Deakin Waurn Pond	103
Pertemuan dengan “University Librarian”	105
Hari Terakhir di Kampus Waterfront	110
Berpindah ke Burwood	114
Melbourne City	123
Hari Pertama di Kampus Burwood	128
Jadual Padat di Burwood	135
Kursus di Melbourne City	144
Lawatan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	150
Hari Terakhir Sangkutan	155
Menjejak Kedai Buku	158
Akhir Kalam	161
Bioata Penulis	163



PANGKIN PENGENALAN, SERAMBI SALAM

*“I have always imagined that paradise will be
a kind of library” - Jorge Luis Borges*

TIDAK banyak buku yang memperkatakan tentang kembara dan perpustakaan. Subjek kembara atau berjalan-jalan selalunya sinonim dengan aktiviti makan-makan, bersiar-siar dan melihat-lihat tempat yang sesuai untuk dimuat naik di media sosial. Justeru, buku yang dihasilkan seorang pustakawan terlatih seperti ini sewajarnya diraikan.

Pandangan umum terhadap pustakawan sebagai penyusun buku di rak sukar dipisahkan. Sejak dari sekolah lagi, pengawas perpustakaan diberikan antara tugasnya, demikian. Namun, mereka bukanlah seperti yang digambarkan, sebaliknya, pustakawan ialah penyusun maklumat secara sistematik supaya mudah dicari semula oleh sesiapa sahaja. Benarlah, pustakawan itu medannya buku-buku kerana itulah format semasa bagi penyimpanan maklumat.

Format ini berubah-ubah. Pustakawan di Perpustakaan Niniveh menyusun tablet-tablet batu. Pustakawan di Alexandria Bibliotheca pula menyusun gulungan-gulungan skrol dari papyrus. Zaman ini menyaksikan pembantu pustakawan mengembalikan buku-buku ke rak yang telah ditetapkan. Kita pun cepat menilai dan menghukum bahawa kerja pustakawan itu sekadar menyusun buku. Padahal, pustakawan kini menyusun maklumat melalui maya dan menguruskan akses semua itu secara dalam talian.

Membaca helai demi helai Catatan Perjalanan *Visiting Librarian* di Melbourne, kita dapat merasakan getar rasa seorang pustakawan yang melalui pelbagai cabaran getir demi memastikan permintaan dan pencarian maklumat yang diperlukan pengguna perpustakaan dapat ditunaikan. Lebih 20 tahun memasuki gapura alaf baharu, dunia

kepuustakawanan bukan lagi sekadar bermain-main di halaman buku. Mereka kini lebih pantas menyusun maklumat dan ilmu supaya semakin mudah diakses setiap pengguna perpustakaan. Falsafah mereka mudah; ilmu itu kuasa!

Nor Azzah Momin bukanlah calang-calang wanita. Beliau diamanahkan sebagai Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kini, dan berpengalaman sebagai pustakawan di beberapa tempat. Selain menjadi ahli dan moderator Goodreads Malaysia, komuniti media sosial yang memperkatakan tentang buku dan kepengarangan, beliau juga ahli seumur hidup Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN). Lantaran, asosiasi beliau dengan buku bukanlah semata-mata kerana kerjaya tetapi sudah mendarah daging dalam dirinya.

Para penulis wajar menjaga hubungan dengan pustakawan dan menjadikan mereka ini sahabat baik kerana pustakawan memegang anak kunci maklumat yang adakalanya sukar diakses. Cerita-cerita di sebalik dunia kepuustakawanan ini, khususnya dari Malaysia, sukar sekali ditemukan. Oleh yang demikian, pengalaman menjalani sebuah program sangkutan atau *attachment* selama tiga minggu di University Deakin, di Melbourne, Australia ini memberikan pembaca suatu peluang untuk meninjau

tentang dunia kepuustakawanan yang kebanyakannya terhibab daripada kaca mata orang awam.

Ya, pustakawan bukan lagi penyusun buku di rak. Di negara jiran, tugas demikian sudah boleh dikontrakkan kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan menyusun buku atau *shelving* ini. Pustakawan, antara tugasnya ialah membantu para penyelidik mendapatkan kata kunci yang betul apabila membuat carian, mengurus data dan maklumat selain menjadi penunjuk jalan kepada para mahasiswa dan sarjana dalam dunia akademik.

Jika diibaratkan kita ini sekumpulan pengembara, pustakawan ialah ahli kembara yang sentiasa menyalakan obor dan menerangi jalan kita selagi diperlukan. Mereka jugalah yang memastikan obor itu tidak terpadam dan mengubahnya daripada jamung biasa, kepada obor yang menggunakan tenaga gas, bateri atau sebarang teknologi yang merentasi zaman.

Melalui pengalamannya di tiga buah kampus Universiti Deakin selama tiga minggu, penulis telah berkongsi pengalaman, sikap dan moral pustakawan yang banyak memberikan bimbingan dari kampus Geelong Waurn Ponds, Geelong Waterfront dan Burwood yang mungkin jarang-jarang ditemukan di tempat kita. Tatacara tadbir urus di setiap perpustakaan dengan sikap

menghormati masa, mesyuarat yang efisien, pustakawan senior yang tidak lokek ilmu serta pengalaman cara hidup di rantau orang yang menghiburkan serta menginsafkan. Nor Azzah bercerita dengan penuh jujur, amat merendah hati dan tidak pernah tergelincir niatnya dalam mencari ilmu supaya dapat dipanjangkan kepada staf dan pegawai perpustakaan di sini.

Buku ini bukan laporan mesyuarat dan kursus di luar negara. Malah, buku ini bukan berbentuk laporan. Ia dikisahkan dari kaca mata seorang ibu yang berkorban meninggalkan suami dan anak-anak buat pertama kali dan sejauh ini kerana beliau tahu keperluan untuk meninggalkan ruang yang selesa sebagai prasyarat untuk memajukan diri. Selagi diri sendiri tidak mendapat masukan yang secukupnya, Nor Azzah tahu yang beliau tidak mungkin dapat memberikan lebih daripada itu kepada USIM khususnya dan pengguna perpustakaan amnya.

Banyak momen yang meruntun jiwa apabila kita dipisahkan oleh lautan. Tidak kurang juga kerinduan itu ditampung dengan peristiwa mencari wi-fi di lokasi-lokasi percuma sehingga terpaksa menahan kedinginan. Rasa teruja menjumpai pekan kecil bernama Clunes yang dinobatkan sebagai Book Town hemisfera selatan dan peristiwa ditinggalkan bas. Kisah-kisah penulis, khususnya perjalanannya

pada hujung minggu demi memenuhi keinginan meneroka dunia buku yang di luar perpustakaan, kedai-kedai buku yang tumbuh di mana-mana sahaja di Melbourne, semenjak menjadi Kota Sastera UNESCO pada tahun 2008, taman-taman botani yang menenangkan jiwa; semua itu digembleng dengan harmoni dan berimbang sehingga menjadikan sesiapa sahaja dapat menikmati pengembaraan sang pustakawan yang jarang-jarang diungkapkan dalam bentuk penulisan travelog atau memoir mini seperti ini.

Ya, pustakawan bukan lagi penyusun buku di rak. Di negara jiran, tugas demikian sudah boleh dikontrakkan kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan menyusun buku atau *shelving* ini.

Kebanyakan kisah-kisah tentang pustakawan ditulis dalam bentuk fiksi seperti *The Borrowers* (Rebecca Makkai), *The Library of Babel* (Jorge Luis Borges) *The Strange Library* (Haruki Murakami) dan terdapat satu kisah bukan fiksi tentang kucing bernama *Dewey: The Small Town Library Cat Who Touched the World*. Dalam korpus bahasa Melayu, belum cukup ada tulisan yang kuat tentang dunia kepustakawanan. Kebanyakannya berbentuk esei ilmiah atau separa ilmiah yang pernah dibentangkan dalam persidangan di dalam dan luar negara.

Oleh itu, kehadiran Catatan Perjalanan *Visiting Librarian* di Melbourne ini membuka gerbangnya kepada kita, orang awam untuk ingin memasuki nikmat berada di dalam dunia buku yang dianggap sebagai bayang-bayang syurga oleh Jorge Borges, mencintai perpustakaan, dan memeluk kesunyiannya. Hanya kita, buku dan imaginasi!

Nisah Haron

Ketua Satu

**Persatuan Penulis Negeri Sembilan
(PEN)**

Ampangan, Seremban

26 Januari 2023





ILHAM KEMBARA

KENAPA saya memilih untuk menjalani program sangkutan di luar negara? Tidak cukupkah di dalam negara sahaja? Bukankah kosnya lebih tinggi?

Begitulah saya andaikan persoalan-persoalan yang timbul dalam fikiran pembaca. Jadi, moleklah saya jelaskan terlebih dahulu sebab-sebabnya. Pertama, peluang menjalani program sangkutan untuk ke luar negara sudah dibuka oleh USIM, lalu saya memanfaatkan sebaiknya. Tambahan pula permohonan untuk menjalani program sangkutan di beberapa perpustakaan dalam negara, pada tahun-tahun sebelumnya, telah ditolak; lantaran dikatakan tidak cukup mencabar bagi saya. Jadi, ke luar negara adalah pilihan terbaik setelah 14 tahun saya di USIM dan 17 tahun bergelar Pustakawan sejak saya mula bekerja pada tahun 1997.

Kenapa saya memilih untuk ke Melbourne? Sebenarnya saya memilih untuk ke mana-mana sahaja. Namun, permohonan untuk mendapatkan lokasi sangkutan, saya

ajukan ke Council of Academic Libraries Australia (CAUL). Saya pasrah sahaja menerima mana-mana tawaran selagi ia menepati ciri-ciri yang saya nyatakan, iaitu perpustakaan yang menawarkan perkhidmatan rujukan penyelidikan. Menariknya, CAUL bukan hanya mengiklankan permohonan saya ke semua perpustakaan universiti di Australia, malah sampai ke New Zealand juga.

Ternyata hanya Perpustakaan Universiti Deakin di Melbourne yang memberikan maklum balas mengenai kesediaan mereka menerima saya menjalani program sangkutan di perpustakaan mereka. Amat mengujakan apabila tiada sebarang yuran sangkutan dikenakan. Saya cuma perlu menanggung belanja pengangkutan, penginapan dan perbelanjaan peribadi.

Ini ialah perjalanan ke luar negara saya yang pertama secara solo. Perasaan yang datang bercampur-baur antara berani dan takut. Pada awalnya terasa sangat bersemangat mengusahakan permohonan dan menyediakan persiapan. Kemudian bertukar menjadi ragu-ragu, gementar, sampai terasa mahu membatalkan pemergian ke sana. Namun, ketika itu saya tiada pilihan lain selain meneruskannya, kerana perasaan ragu-ragu ini hadir hanya sehari dua sebelum berangkat. Perjalanan harus diteruskan dengan rasa debar dan sesekali diterjah rasa sesal kerana “gatal-gatal” memohon ke luar negara setahun sebelumnya.

Saya buka pintu diri
seluas-luasnya bagi
menerima sebanyak
mungkin pengalaman
dan ilmu baharu yang
sebahagiannya tidak
dapat dinukilkan di atas
kertas atau diabadikan
oleh foto-foto yang
diambil.

Alhamdulillah, perasaan itu hilang bersama deru angin dingin bersuhu 11°C yang menyapa sebaik-baik sahaja kaki melangkah keluar dari pesawat di bumi Melbourne pada pagi 2 November 2014. Lalu, program sangkutan selama tiga minggu di tiga cawangan Perpustakaan Universiti Deakin, dilalui dengan tenang dan minda yang terbuka, menadah ilmu dengan sesungguhnya hati. Saya buka pintu diri seluas-luasnya bagi menerima sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu baharu yang sebahagiannya tidak dapat dinukilkan di atas kertas atau diabadikan oleh foto-foto yang diambil. Yang termampu, hanyalah untuk diinsafi hikmahnya oleh diri sendiri, dinikmati keindahannya oleh sepasang mata yang berkaca mata, serta diserap dan diabadikan memorinya dalam lipatan kenangan.

Terima kasih kepada pihak pengurusan USIM yang meluluskan permohonan saya untuk mengikuti program ini. Penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan di Perpustakaan USIM dan warga USIM yang memberikan sokongan moral dan material. Juga kepada Penerbit USIM yang sudi menerbitkan buku ini bagi menambah khazanah ilmu untuk disajikan kepada masyarakat. Tidak lupa kepada para Pustakawan di Universiti Deakin, Sue Owen, Josipa Crnic, Lin Lin dan ramai lagi.

Akhirnya terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga ditujukan buat suami tercinta yang memberikan keyakinan penuh serta sokongan tidak berbelah bahagi sejak mula tercetusnya idea untuk memohon menjalani program sangkutan, sehinggalah ia menjadi kenyataan.

Syukur setinggi-tingginya kepada Ilahi yang mengizinkan pengalaman ini dilalui, serta memelihara diri ini sepanjang perkelanaan seorang diri.

Catatan perjalanan ini saya tujukan buat anak-anak saya yang ditinggalkan sepanjang program ini. Betapa saya ingin sekali membawa mereka bersama-sama melihat keindahan pantai di Waterfront, Geelong; merasai keterujaan saya berada di sebuah universiti di luar negara yang tentunya sukar dijejaki jika diikuti penilaian dalam peperiksaan; melalui pengalaman-pengalaman baharu berada di tempat orang yang budayanya begitu berbeza dari di Malaysia.


Saya bukanlah hartawan yang sedia meninggalkan harta berpukul-pukul buat mereka sepeninggalan saya ke negeri abadi kelak. Hanya bekalan ilmu dan catatan-catatan pengalaman diri yang dirasakan begitu mahal untuk dibiarkan berlalu begitu saja tanpa ditinggalkan sebagai ganti diri, serta amal jariah selepas mati.

Wassalam.

Nor Azzah Momin

13 Januari 2023

Nilai, Negeri Sembilan







SINGKATAN

ANDS	Australian National Data Service
DMCC	Deakin Melbourne City Centre
KFC	Kentucky Fried Chicken
OKU	Orang Kelainan Upaya
PPF	Pegawai Penghubung Fakulti
UD	Universiti Deakin
VSL	Victoria State Library
CAUL	Council of Academic Libraries Australia
DUIS	Deakin University Islamic Society
UDCCC	University Deakin City Centre Campus
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
PPM	Persatuan Pustakawan Malaysia
ERA	Excellent Research Australia
MyRA	Malaysian Research Assessment
PTV	Public Transport Victoria
LIR	Librarian in Residence
CAVAL	Cooperative Action by Victorian Academic Libraries
CAG	Collection Advisory Group
IFLA	International Federation of Library Associations
KUIN	Kolej Universiti Insaniah
SDAG	Staff Development Advisory Group
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar





AWAL BISMILLAH

27 Oktober 2014 - Isnin
(Empat hari sebelum berangkat)

HARI ini saya bercadang untuk mengemas kini jadual yang dirancang dengan cadangan jadual yang telah diberikan oleh Madam Josipa Crnic. Beliau ialah orang yang menguruskan program sangkutan di tempat saya akan bertugas selama tiga minggu nanti iaitu di Perpustakaan Universiti Deakin, Melbourne.

Namun, pada hari bekerja, agak kurang kesempatan untuk membuat apa-apa tugas yang berkaitan dengan persiapan untuk ke sana. Malah sehingga ke malam barulah saya perasan yang e-mel daripada Madam Sue Owen berkenaan cadangannya untuk menunggu saya di lapangan terbang, belum dibalas. Betapa kurang berterima kasihnya saya ini.

Sue Owen ini ialah pegawai atasan kepada Josipa. Orang nombor dua di Perpustakaan Universiti Deakin. Kalau di Malaysia, dipanggil Timbalan Ketua Pustakawan Kanan mungkin. Saya pun tidak menjangka bahawa beliau sudi menjemput saya di lapangan terbang.



From: Sue Owen
To: Nor Azzah Momin
Cc: Josipa Crnic, Jackie Atkin
Date: Sat, 25 Oct 2014 23:35:48 +0000
Subject: Re: Work placement in library research unit Deakin from Malaysia

Dear Nor Azzah

Thank you for confirming your flight details.

I will meet you at the exit, the area after you've passed through all the immigration and customs stages. There will be many people waiting in this area so I will be holding up your name. My mobile number is +614009XXXXX.

We will then drive to your accommodation in Geelong so you can book in, then you will have the rest of the day to unpack and settle in.

Saya berjanji pada diri sendiri, akan menjawabnya pada sebelah pagi esok. Saya disibukkan dengan tugas menyiapkan kertas kerja yang perlu disiapkan sebelum berangkat, tugas di Meja Penasihat Pengguna untuk syif pagi (10 pagi- 2 petang) dan kemudiannya terlibat sebagai panel temu duga untuk pengambilan staf baharu pada sebelah petang.

Alhamdulillah, semasa sesi temu duga berlangsung, satu mesej baharu masuk ke dalam peti simpanan mesej di telefon bimbit, menyatakan bahawa wang pendahuluan sebanyak RM11,340.00 yang dipohon bagi membayar sewa bilik penginapan di motel dan wang biaya makan minum sepanjang di sana telah dimasukkan

ke dalam akaun peribadi saya. Walaupun tidak banyak yang dapat saya buat untuk persiapan permusafiran ini pada hari ini, namun beberapa perkongsian maklumat telah saya berikan kepada beberapa orang rakan di USIM, berkenaan cara-cara saya mendapatkan tempat untuk ke sana.

Ramai yang bertanya sebab saya merupakan antara pentadbir pertama di USIM yang akan pergi menjalani program sangkutan di luar negara. Untuk tahun ini, hanya saya dan dua orang lagi staf dari Jabatan Bendahari yang memohon dan diluluskan untuk menjalani program begini. Tahun inilah pertama kali ada program sebegini sebab baru diluluskan oleh USIM.

Inilah yang saya kongsi dengan mereka. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, saya memohon penempatan untuk menjalani sangkutan melalui Council of Academic Libraries Australia (CAUL), kerana mengetahui yang CAUL menjadi penghubung antara banyak perpustakaan universiti di Australia. Saya memang mengikuti perkembangan aktiviti CAUL melalui langganan e-mel persatuan mereka. Persatuan ini seakan-akan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) di Malaysia, yang saya telah menjadi ahlinya sejak zaman saya belajar lagi.

Semasa memohon melalui satu e-mel ringkas pada akhir tahun 2013, saya telah memperkenalkan diri sebagai seorang wanita Muslim, telah berkahwin dan mempunyai empat orang anak tetapi akan ke tempat sangkutan berseorangan, berpengalaman sebagai pustakawan selama 17 tahun, memerlukan tempat tinggal tetapi akan membiayai penginapan dan perjalanan sendiri.

Berkenaan keperluan sangkutan pula saya memfokuskan kepada perkhidmatan sokongan untuk kegiatan penyelidikan di perpustakaan universiti sesuai dengan Unit Penyelidikan yang baru ditubuhkan di Perpustakaan USIM. Saya perlu menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan sokongan kepada aktiviti penyelidikan di USIM, jadi saya ingin belajar daripada mereka yang pakar.

Untuk memudahkan kawan-kawan memahami proses mendapatkan tempat, saya kongsi sahaja e-mel yang dihantar kepada CAUL. Walaupun berlainan Jabatan, saya fikir ia masih boleh menggunakan cara yang sama. Apa yang penting, orang itu sendiri perlu memahami, apa yang ingin dipelajari, supaya ia akan lebih berfokus.

PENGENALAN RINGKAS UNIVERSITI DEAKIN

Universiti Deakin telah dibina pada tahun 1974. Ia merupakan universiti kesembilan terbesar di Australia dan ke-12 terbaik di Australia, serta ke-360 terbaik di dunia. Terdapat empat kampus kesemuanya iaitu di Waterfront, Geelong; Waurn Ponds, Geelong; Burwood, Melbourne; dan di Warrnambool. Perpustakaan berada di semua cawangan dengan 120 orang staf dan memiliki sebanyak 1.4 juta bahan bercetak, 192,300 buku elektronik, 91,160 jurnal elektronik; dan lebih 410 pangkalan data; 33,330 video dan DVD; dan 82,700 bahan dalam koleksi khas. *(Nota: Fakta pada tahun 2014)*

KALUT

28 Oktober 2014 - Selasa

Awal-awal pagi lagi saya berhasrat untuk membalas e-mel Sue Owen, namun Mesyuarat Bahagian yang mengambil masa hampir tiga jam

Catatan Perjalanan
“**VISITING
LIBRARIAN**”
di Universiti Deakin Melbourne

TIDAK banyak buku yang memperkatakan tentang kembara dan perpustakaan. Subjek kembara atau berjalan-jalan selalunya sinonim dengan aktiviti makan-makan, bersiar-siar dan melihat-lihat tempat yang sesuai untuk dimuat naik di media sosial. Justeru, buku yang dihasilkan seorang pustakawan terlatih seperti ini sewajarnya diraikan.

Membaca helai demi helai Catatan Perjalanan *Visiting Librarian* di Melbourne, kita dapat merasakan getar rasa seorang pustakawan yang melalui pelbagai cabaran getir demi memastikan sokongan perkhidmatan yang diperlukan pengguna perpustakaan dapat ditunaikan.

Lebih 20 tahun memasuki gapura alaf baharu, dunia kepustakawanan bukan lagi sekadar bermain-main di halaman buku. Mereka kini lebih pantas menyusun maklumat dan ilmu supaya semakin mudah diakses setiap pengguna perpustakaan. Falsafah mereka mudah: ilmu itu kuasa!



Penerbit
USIM PRESS

